

29/07/2001

Konsep negara Islam hanya umpan Pas

SHAH ALAM: Konsep negara Islam yang dijanjikan Pas adalah umpan bagi menarik orang Melayu yang kuat berpegang kepada ajaran agama supaya terus menyokong perjuangan parti itu, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, walaupun Pas sedar ia tidak mungkin dapat melaksanakan konsep itu, mereka tetap membuat janji sedemikian kerana tidak mahu kehilangan sokongan.

"Dia guna ini sebagai satu umpan untuk dapat sokongan daripada orang Melayu yang berpegang begitu kuat dengan Islam. Jadi mereka buat janji, tawaran yang mereka tahu mereka tidak dapat laksanakan," katanya selepas melawat Sirim Berhad di sini, semalam.

Isu berkenaan timbul selepas beberapa pemimpin kanan DAP meminta Pas menggugurkan konsep negara Islam itu. Kedua-dua parti itu adalah rakan dalam pakatan pembangkang.

Dr Mahathir berkata beliau ingin mengetahui lebih lanjut mengenai konsep yang disebut oleh Pas itu untuk melihat sama ada ia berbeza dengan apa yang sudah dilaksanakan oleh Umno.

"Kalau berbeza, tengoklah mana yang boleh kita buat. Kalau tak ada beza, janganlah kata yang bukan-bukan kat kita orang," katanya.

Mengenai dakwaan politik wang yang dilaporkan Ketua Umno Bahagian Kuantan, yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Beserah, Datuk Fauzi Abdul Rahman, beliau berkata Lembaga Disiplin Umno dijangka menyiapkan laporannya tidak lama lagi.

Perdana Menteri berkata, lembaga berkenaan sedang melengkapkan siasatan dan laporan berkenaan.

"Dulu mereka sibuk dengan siasatan politik wang, tetapi sekarang dah habis dan kita boleh teruskan siasatan dengan dakwaan yang dibuat oleh Fauzi," katanya pada sidang akhbar selepas mengadakan lawatan kerja ke Sirim, di sini, semalam.

Beliau berkata demikian ketika ditanya mengenai perkembangan siasatan ke atas dakwaan bekas ahli Majlis Tertinggi itu yang sudah tertangguh lebih dua bulan.

Pada 29 Mac lalu, Fauzi menyerahkan surat peletakan jawatan kepada Pengerusi Badan Perhubungan Umno Pahang, Datuk Seri Adnan Yaakob, dengan memberi beberapa alasan termasuk berlaku amalan politik wang dalam kawasannya.

Beliau turut membuat laporan polis terhadap Menteri Penerangan, Tan Sri Khalil Yaakob, bagi menyiasat penyelewengan dalam pemberian kawasan balak ketika Khalil menjadi Menteri Besar Pahang.

Polis Pahang sudah menyerahkan laporan Fauzi terhadap Khalil kepada Badan Pencegah Rasuah (BPR) negeri itu untuk tindakan lanjut.

Manakala, Lembaga Disiplin Umno turut menubuhkan sebuah jawatankuasa khas bagi menyiasat dakwaan Fauzi berhubung penyalahgunaan wang menjelang pemilihan peringkat Umno Bahagian Kuantan.

Menjawab soalan, Dr Mahathir berkata beliau sebenarnya ada menerima laporan mengenai kes berkenaan, tetapi bukan laporan yang muktamad.

Katanya, sebarang keputusan yang dicadangkan oleh Lembaga Disiplin akan dibincangkan dulu di peringkat MT.

(END)